

Siaran/Terbitan Segera

10 Julai 2015

SIARAN MEDIA

PHARMANIAGA MEMBAWA SENYUMAN AIDILFITRI KEPADA MANGSA-MANGSA BANJIR DI KEMUBU

Kemubu, 10 Julai – Lanjutan kepada misi kemanusiaan dan sumbangan perubatan bagi membantu mangsa banjir di Kelantan pada awal tahun ini, Pharmaniaga telah menganjurkan lawatan semula ke Kampung Kemubu di daerah Kuala Krai dengan harapan membawa senyuman kepada masyarakat setempat melalui program khas Senyuman Aidilfitri @ Kemubu.

Seramai 18 orang sukarelawan dari Pharmaniaga telah menyertai program ini untuk mengagihkan daging segar, kuih Raya, biskut, kain batik dan pelikat serta produk penjagaan peribadi RoyalePharma seperti krim mandian dan *hand sanitizer*.

Lebih dari 400 ahli keluarga dari Kampung Kemubu telah meraih manfaat dari program tersebut yang membawakan sedikit kegembiraan dan membantu meringankan beban dalam persiapan Aidilfitri yang bakal menjelang

Pengarah Urusan Pharmaniaga, Dato' Farshila Emran berkata, "Sebagai warga korporat yang bertanggungjawab, kami berharap dapat berkongsi sedikit keriangannya Aidilfitri dengan masyarakat Kampung Kemubu, iaitu salah sebuah daerah yang paling teruk terjejas akibat banjir besar awal tahun ini."

"Mereka masih membina semula kehidupan dan kami harapkan Senyuman Aidilfitri @ Kemubu ini dapat menaikkan semangat, mengurangkan beban dan memberi harapan bahawa masih ada golongan di luar sana yang mengambil berat."

Intisari foto:



1. Pengurus Besar Komunikasi Korporat Pharmaniaga, Zuhri Iskandar Kamarzaman (2 dari kiri) mengetuai rombongan sukarelawan lawatan ke Kemubu



2. Seramai 400 ahli keluarga mendapat manfaat dari program ini.



3. Kueh Raya antara barangan yang diagihkan.



4. Seorang warga emas terharu mengenangkan masih ada golongan yang mengingati nasib mereka.

Tamat

PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead, dan tersenarai di papan utama Bursa Malaysia. Teras perniagaannya adalah logistik dan pengedaran barangan farmaseutikal dan peranti perubatan. Di samping itu Pharmaniaga juga terlibat dalam penghasilan ubat-ubatan generik, kajian dan penyelidikan dan pemasaran serta jualan produk-produk farmaseutikal dan peranti perubatan.

Dikeluarkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Kumpulan Pharmaniaga.

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Zuhri Iskandar Kamarzaman at 03 3342 9999 ext 434 atau zuhri@pharmaniaga.com